

## **SURAT KEPADA AHLI DAN PEMIMPIN UMNO AKAR UMBI**

**Chedet.cc**

**30 November 2015**

**Tun Dr Mahathir Mohamad**

1. Negara Malaysia tercinta ini adalah hasil perjuangan UMNO sebagai sebuah parti, bukan oleh sesiapa atau seseorang.
2. Sebab itu apabila Dato Onn Jaafar, Pengasas dan Yang diPertua Parti yang pertama, membuat cadangan yang bertentangan dengan perjuangan parti, cadangannya di tolak dan dianya keluar dari parti.
3. Hari ini kita dapati UMNO sudah jadi milik Presiden dan perjuangan UMNO terhad kepada mendokong Presiden. Kesetiaan ahli terhad kepada Presiden, tidak lagi kepada parti, tidak lagi kepada bangsa, agama dan negara.
4. Ini ternampak jelas apabila slogan Satu Malaysia yang sama dengan Malaysian Malaysia diperkenal, penjajah dahulu dilantik sebagai penasihat, penggunaan konsultan Barat. Penubuhan Pemandu untuk menggantikan Unit Perancang Ekonomi, bayaran gaji kepada badan bukan Kerajaan yang amat tinggi, meletak negara dibawah kehendak Singapura, meminjam berbillion Ringgit yang dilabur sebahagian besar di luar negara, menubuh 1MDB dengan modal pinjaman yang besar, tidak dapat membuktikan dimana modal yang dilabur berada, gagal membayar faedah hutang, membeli tanah Kerajaan dengan harga yang amat murah, menjual tanah ini kepada institusi Kerajaan dengan harga 50 kali ganda lebih tinggi, wang Tabung Haji diguna secara yang sama, keuntungan yang berlebihan ini diguna untuk menampung kerugian 1MDB, 2.6 billion Ringgit tiba-tiba berada dalam akaun peribadi Najib, kononnya derma dari orang Arab, siasatan oleh Badan Pencegah Rasuah dan Bank Negara ditamat oleh Najib sebelum tindakan dapat diambil, Pendakwa Raya dibuang, PAC dibubar supaya tidak dapat menyiasat 1MDB, cara hidup mewah lebih dari kemampuan Perdana Menteri, gaji minima dinaik sehingga kilang-kilang berpindah ke negara lain dan pekerja hilang pekerjaan, kejatuhan mata wang dan nilai saham yang teruk, cukai GST dikenakan sehingga peniaga kecil terpaksa tutup kedai, kos sara hidup meningkat, beban bagi rakyat bertambah, sesiapa yang menegur disoal oleh polis, dituduh sabotaj bank dan kewangan negara dan dimasukkan dalam tahanan dibawah undang-undang yang salah.
5. Besar kemungkinan parti akan kalah dalam PRU 14 seperti di Selangor dan Pulau Pinang. BN dan UMNO akan menjadi parti pembangkang. Sebagai pembangkang tidak akan ada apa-apa yang boleh dibuat oleh UMNO untuk bangsa, negara dan agama.
6. Menyokong Najib mungkin memberi nikmat kepada orang tertentu hari ini. Tetapi apabila BN kalah nikmat semua akan hilang.
7. Sebaliknya jika Najib berhenti dari menjadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri, besar kemungkinan UMNO akan pulih semula dan BN akan menang PRU 14. Dengan itu bangsa, negara dan agama akan lebih selamat. Negara akan maju semula dan semua rakyat akan dapat nikmat.
8. Wahai ahli dan pemimpin UMNO diakar umbi. Fikirlah baik-baik. Jangan sokong dan setia secara buta tuli, atau kerana dapat nikmat hari ini. Bangsa kita akan kutuk kita jika nasib bangsa menjadi

buruk kerana kita tamak dan lupakan perjuangan UMNO. Dan segala nikmat yang kita dapati akan musnah, bahkan Kerajaan parti lawan akan bertindak keatas kesalahan mereka semasa memerintah.

9. Semua ini memburukkan nama Malaysia dan merugikan rakyat.

10. Wahai ahli dan pemimpin UMNO diperingkat akar umbi.

11. Jika ingin selamat dan menang tolaklah kepimpinan DSN sebelum PRU14.

12. Tolaklah kepimpinannya sebelum PRU14 supaya UMNO selamat dan mampu memenangi PRU dan kekal sebagai Kerajaan yang adil kepada semua.

13. Saya menulis dalam blog saya kerana sekatan yang ketat diadakan supaya saya tidak dapat berjumpa dan bercakap dengan ahli UMNO dan orang awam. Jentera yang diguna yang terdiri dari badan-badan Kerajaan dan parti amatlah berkesan. Dengan sendirinya ini menjadi bukti kesalahan-kesalahan sedang dilakukan.

ENG VERSION

LETTER TO MEMBERS AND UMNO GRASSROOT LEADERS

1. Malaysia, my beloved country, is a result of the struggle of UMNO as a party, not by anyone or someone.

2. Therefore, when Dato Onn Jaafar, the founder and the first President of the Party, made proposals contrary to party struggle, his proposals were rejected and he quited the party.

3. Today we find that UMNO is owned by the President and the struggle of UMNO is limited to supporting the President. Loyalty of members is limited to the President, no more to the party, much less to race, religion and nation.

4. This became clear when the slogan 1-Malaysia which is similar to Malaysian Malaysia is introduced, previous colonizer appointed as advisors, use of Western consultants, the establishment of Pemandu to replace the Economic Planning Unit, the payment of high salaries to non-governmental organizations, putting the country at the behest of Singapore, borrowing billions of Ringgit most of which are invested overseas, establishing 1MDB with large borrowed capital, not being able to show proof where the capital investment is located, failure to pay interest on the debts, purchasing Government land at a very low price, selling these land to Government institutions at a price 50 times higher, Pilgrims Fund Board money similarly used, these excessive profits are used to cover losses of 1MDB, 2.6 billion Ringgit suddenly appearing in Najib's personal account, the so-called donations from Arabs, investigations by the Anti-Corruption Agency and Bank Negara terminated by Najib before action can be taken, the public prosecutor dismissed, the PAC dissolved so that it cannot investigate 1MDB, luxurious lifestyle beyond means of a Prime Minister, raising the minimum wage so much so factories relocate to other countries and workers lose their jobs, big fall in the value of the currency and stock value, imposing GST resulting in small businesses being forced to close shop, increase in the cost of living, thereby increasing the burden of the people, those who make comments are questioned by police, accused of sabotaging banks and the country's finance and putting in custody under a law that is wrong.

5. There is a big possibility that the party would lose in the 14th General Election just as like Selangor and Penang. BN and UMNO will become an opposition party. As an opposition party that is not much that can be done by UMNO for race, nation and religion.

6. Support for Najib may earn favours for specific people today. But when the BN loses all favours will be lost.

7. On the other hand, if Najib were to resign from being the UMNO President and Prime Minister, most likely UMNO will recover and BN will win the GE 14. With this, race, nation and religion will be more secure. The nation will move forward again and all people will be blessed.

8. O members and UMNO grassroots leaders. Think carefully. Do not support and be blindly faithful for favours you gain today. Our race will curse us if the fate of the race becomes worse because we are greedy and forget UMNO's struggle. And all the blessings that we got will be destroyed, in fact the Government of the opposition party will be acting on your mistakes when they rule.

9. All these will discredit Malaysia and harm its citizens.

10. O members and UMNO grassroots leaders.

11. If you want to be safe and win reject the leadership of DSN before GE14.

12. Reject his leadership prior to the GE14 so that UMNO is safe and be able to win the election and remain as a Government that is fair to all.

13. I write in my blog because strict restrictions are in place so that I could not meet and talk with members of UMNO and the public. Machinery being used, consisting of Government bodies and the party is very efficient. It by itself is proof of offenses being committed.

25 thoughts on "SURAT KEPADA AHLI DAN PEMIMPIN UMNO AKAR UMBI"



1. [Log in to Reply](#) **adelheid** Dec 2, 2015 12:35 AM

Dear Tun,

Saya merasai kesedihan Tun. Tun sudah buat yang termampu untuk membuka mata dan hati ahli-ahli akar umbi UMNO. Namun pilihan terletak di tangan mereka. Mereka boleh memilih untuk kembali ke landasan yang betul dengan menolak kepimpinan DSN, atau mereka boleh memilih kepentingan diri di bawah teraju seorang pemimpin korup yang bakal membawa kehancuran UMNO.

Perhimpunan Agung UMNO (PAU) pada minggu hadapan – can either be medicine or poison to UMNO's survival or, death. Sorry if the word death may hurt you Tun but I really feel that this party's survival truly depends on what the grassroots members' decisive action to turn right or left at this point of juncture. And truly their decision to be bold or otherwise will be remembered by their anak cucu and all Malaysians to come.

Ahli akar umbi UMNO – please listen to your hearts, not your head that you people forget the true purpose of your struggle. Don't let your greed blind you nor let your fear hold you back from standing

up for the real reason you are in UMNO. Or maybe you need to suffer a terrible fall first before you finally realise your ruin.

Dearest Tun Mahathir, you will always be our number one even when you don't need our praises. Take good care Tun, be safe always and love you and Tun Siti Hasmah too.

2.  [Log in to Reply ismadiDec 1,2015 6:29 PM](#)

As Salam Tun,

Maka berdentum dentam lah Pasukan Najib menyambut surat terbuka Tun ini dan menidakkan kenyataan Tun dengan sanggahan yang lemah, tidak beradab dan beremosi.

Apakah mereka ini terdiri dari golongan yang mempercayai cerita Najib dan menyokongnya atau adakah mereka ini terdiri daripada mereka yang menyokong Najib kerana mengharapkan imbuhan. Wallahualam.

Apa yang Tun minta Najib buat tidak dilakukan. Tun hanya ingin tahu siapa penderma, apa kerjanya dan bagaimana derma dilakukan yakni melalui tunai atau online internet banking.

Amatlah hairan kerana sekiranya maklumat sekecil itu tidak dapat diberi malahan dikatakan berkonspirasi untuk menjatuhkan seorang Perdana Menteri, ia ibarat seolah olah mereka sudah melantik Najib seperti seorang Raja di negara ini.

Takkan tanya pun tak boleh?

Untuk Pasukan Najib, mereka perlu faham apa apa jawapan yang diterima semenjak Najib dituduh memiliki wang RM2.6b didalam akaun peribadinya adalah tidak konsisten dengan keadaan cara wang tersebut di terima.

Sebagai Perdana Menteri, menerima wang derma sebegitu besar jumlahnya adalah salah dan memancarkan nilai nilai seorang pencuri.

Wang RM2.6b ini telah menyebabkan UMNO punah, UMNO rosak, UMNO terbelah dua dan UMNO bakal menerima kekalahan besar di dalam pilihanraya yang akan datang.

Pasukan Najib perlu sedar bahawa mereka akan kehilangan segala galanya dan akan diburu oleh pihak Polis apabila Kerajaan baru ditegakkan (bukan BN) dan menerima padah hasil dari perbuatan mereka yang setia tidak bertempat dan membuta tuli kepada Najib & Co.

Saya sedang meneliti akan keterangan mereka dan menyimpannya untuk diberi sebagai bukti kepada pihak Polis apabila Kerajaan BN sudah tidak berkuasa lagi. Pencuri wang dan Penolong Pencuri Wang akan dibicarakan bila masa nya tiba nanti.

Sekatan yang di buat terhadap Tun pula adalah seperti sekatan Israel terhadap rakyat Palestin. Saya rasa Tun pula perlu melalui terowong bawah tanah dan muncul di PWTC nanti. Ucapan Tun pasti akan dinantikan.


Namun demikian perjuangan menuntut kebenaran akan sentiasa berterusan untuk selama lamanya.

Wallahualam.

3.  [Log in to Reply HBT456](#) Dec 1, 2015 3:39 PM

42. I sure hope both coalitions of ruling and opposing will not burden the taxpayers further by switching, jumping, registering new parties, increase constituencies, increase members just to stay in power behind closed door in making Malaysia a pariah country.

43. Numbers don't cheat, but politicians can cheat.

4.  [Log in to Reply Hajar](#) Dec 1, 2015 3:15 PM

Salam YAB dan Yang DiKasihi Tun,

1. Wahai ahli2 dan pemimpin2 akar umbi UMNO, anda semua mesti dengar nasihat Tun M. Selamatkan UMNO dari kerosakan teruk yang dilakukan oleh PM Najib @ Ah Jib Gor & gang.
2. Jangan kerana seorang individu (DSN), UMNO tumbang pada PRU-14. Tiada guna mempertahankan seorang pemimpin korup yang terpalit dengan terlalu banyak skandal2 negatif.
3. PKR, yang diketuai oleh 'Anwar Ibrahim and family' tidak boleh dipercayai. Jika DSN penip\*, 'Anwar & family' boleh digelar 'penip\* besar / pemfitnah'. DAP dan PAS pun sama spesies. 'Parti anak-beranak'. Yang peliknya, jika UMNO yang ada 'anak-beranak' memimpin pada masa yang sama, heboh seluruh dunia menuduh UMNO mengamalkan nepotisma. Sendiri lagi teruk mengamalkan nepotisma, tapi boleh pula. Macam2 perangai penyokong2 mereka.
4. Anwar semasa jadi TPM telah menyalah-guna kuasa dan juga rasuah. Anwar sebenarnya yang memelopori rasuah @ politik wang dalam UMNO untuk menang jawatan Timb. Presiden UMNO. Anwar juga telah didapati bersalah dan sekarang merengkok di penjara kerana gagal mengawal nafsu serakah. Lihat saja Selangor. Kononnya Anwar cuma menerima RM1 sebagai Penasihat Ekonomi Selangor, tapi elaun beliau didakwa mencecah RM15 juta (semasa TS Khalid MB). Gaji /elaun ADUN/Speaker Selangor juga amat melampau tingginya yang dinaikkan ke paras yang tidak masuk akal selepas PR memerintah (lebih tinggi dari Menteri2 kabinet? Mengapa tidak bising?). Keadaan rakyat Selangor pun semakin daif & ada yang dianiaya. Saya lihat sendiri beberapa kawasan2 perniagaan gerai2 orang Melayu dirobuhkan walaupun bisnes mereka tidak mengganggu lalu lintas. Kegiatan dan bisnes maksiat yang semakin berleluasa lagi menambah 'stres' sebagai umat Islam yang sepatutnya cuba menjadi lebih baik dari semasa ke semasa. Saya tidak hairan dengan subsidi air yang tidak seberapa. Ini pun satu bentuk 'derma' juga untuk meraih undi.
5. Adakah anda semua (ahli2 dan pemimpin2 akar umbi UMNO) mahu melihat Anwar yang korup dari segi moral dan tidak amanah & rasuah menjadi PM Malaysia?
6. Jadi, sila turunkan DSN, dan kita doakan yang pengganti beliau ialah TSMY, insya ALLAH. Soal pengganti, siapa2 dalam UMNO yang amanah dan berjiwa rakyat boleh jadi pengganti DSN.

7. Pada pemilihan 2016 (jika penundaan dibatalkan), sila tolak En. Khairy (KJ) yang juga ada sejarah menggunakan wang (rasuah) untuk menang dalam pemilihan UMNO. Sila juga tolak Ketua Puteri dan Ketua Wanita UMNO yang juga sudah tiada kredibiliti lagi.

P/S: Ada si Polan sebelum ini kata saya fitnah beliau sebagai anti-Islam, tapi cuba lihat penulisan beliau. Tidak habis2 menghina Islam dan umat Islam.

Terima kasih Tun.

\*\*\* Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga \*\*\*



5. [Log in to Reply](#) **HBT456** [Dec 1, 2015 2:26 PM](#)

36. <http://www.thestar.com.my/news/nation/2015/12/01/priest-sacked-for-allowing-dog-into-temple/>

37. In india, a hindu man was caught talking in a cafe with moslem lady.

38. Out of sudden, the family of the guy found out and keep slapping and beating him, bapa hantam, mak hantam, abang, adik pun hantam this poor guy.

39. The moslem girl was slapped by her mom.

40. Any religion can be ugly if it is used as punitive tool to scare their people.

41. If the hindu politicians want to make hindu ugly, so be it.



6. [Log in to Reply](#) **HBT456** [Dec 1, 2015 1:34 PM](#)

23. Sir mubarak chan, the singapore court has sentenced a prc national low cost labor to 14 years jail for killing his friend, a prc national for bullying him.

24. One of the singaporean, chinese, said why 14 years, give face to china, is it?

25. To me, it is either he does not understand english, or he is a bully himself.

26. I read his story, 27 years old male leaving china and family to work in singapore being treated so badly by his friend of same national, and he had complained to the company hr, unfortunately, hr did not take action.

27. After killing his friend, he waited for the police to arrest him meaning he is a responsible man and will pay for his killing.

28. Singapore will continue to transform themselves to world ranking spot to recruit foreigners to work in the country regardless who you are.

29. This man, under singapore prison, he will be well treated, and by the time he come out, he will be in his late 30s, and he can choose to be stay put in singapore, or prc.

30. When tony pua benchmark malaysia to malawi, I am dssappointed.
31. Nep has successfully made the wealth distribution gap of rich and poor malay clear cut due to political differences between umno and pas.
32. The middle gap is taken by non muslim.
33. Whoever we become pm, it wont affect us anymore.
34. Because putrajaya has successfully made non muslim no longer look up at bn, or opposition parties.
35. Which direction is putrajaya heading?

7.  [Log in to Reply](#) **HBT456** [Dec 1,2015 12:16 PM](#)

18. Prejudice is not a crime.
19. But it can be deadly.
20. Is islam a religion of peace?
21. Is islam a religion of unity?
22. Is islam a religion of previledge?

8.  [Log in to Reply](#) **superman1** [Dec 1,2015 11:45 AM](#)

Salam Tun,

Satu peringatan yang sangat bernas kepada ahli-ahli UMNO. Tidak dapat dibayangkan, setelah pelbagai helah dilakukan oleh Najib, hingga ke cara perhimpunan UMNO berucap, masih lagi yang tidak faham faham dan masih lagi menyokong orang yang salah.

Teringat kepada suratul Yasin ayat 11 yang bermaksud "Sesungguhnya orang-orang kafir, sama saja bagi mereka, kamu beri peringatan, atau tidak kamu beri peringatan, mereka tidak akan beriman".

Saya tidak kata sesiapa kafir. Tapi ayat ini membawa maksud yang sama kepada orang yang tidak mahu terima kebenaran dan bersubahat dengan orang yang melakukan kemungkaran. Bagi la nasihat macam mana pun. Kenikmatan duit yang diutamakan.

Semoga semakin ramai yang akan sedar dan sepakat mengubah keadaan agar golongan yang tamak kuasa ini diasingkan dari masyarakat dan dihukum seadilnya.

9.  [Log in to Reply Praxis](#) Dec 1, 2015 9:27 AM

Proof indeed of the offences and the humiliation.

What glory is to come out of this humiliation?

10.  [Log in to Reply Fariq Islam](#) Dec 1, 2015 9:22 AM

Assalamualaikum, Tun.

Pertamanya, Negara Malaysia yang tercinta ini adalah hasil perjuangan Barisan Nasional, yang diketuai UMNO, dan bukannya UMNO sahaja sebagai sebuah parti.

Padahal, konsep 1Malaysia ini adalah sesuatu yang patut dialu-alukan untuk menyatupadukan masyarakat majmuk. Namun, ahli-ahli politik yang kurang bertanggungjawab, Jamal, Ali Tinju, Ibrahim Ali dan sebagainya, telah mengapi-apikan keadaan, tanpa berfikir panjang tentang kepentingan tanahair.

Dalam setiap era kepemimpinan UMNO, terdapatnya cabaran-cabaran yang tertentu. Kelemahan yang dinampak hari ini mungkin akibat PM tidak bertindak tegas ke atas salah-laku orang-orang bawahan di 1MDB, MARA, JAKIM, Tabung Haji dan sebagainya.

Kalau Najib dipanggil turun tangga hari ini, siapakah yang harus mengambil-alih? Siapa yang boleh memastikan yang pengganti insan yang lebih berwibawa dan telus? Kita kenalah mengambil berat kestabilan politik yang selama ini dilaung-laungkan Tun!

11.  [Log in to Reply HBT456](#) Dec 1, 2015 9:08 AM

14. Who will be the next pm in line, he or she must officiate the pau in this december.

15. With gst kicks off, it is the prerogative of umno supreme council to tell their members that umno must keep up with trend of globalization, the sooner, the better.

16. Umno is united malay national organization, bukan kongres atau association.

17. Does umno wants to be perceived and positioned themselves as umno jaguh kelas kampung atau jaguh kelas antarabangsa, sir mubarak chan, we just wait and see.

12.  [Log in to Reply sibotak](#) Dec 1, 2015 7:09 AM

Tun datang saja di Perhimpun UMNO Yg akan datang walau tidak di jemput  
Bawa sekali Anggota UMNO Yg lain Ya tidak di jemput juga selagi mereka masih ahli  
Tunjukkan Najib UMNO bukan Bapak dia punya

Tun Dan Yg lain Ada Hak untuk Hadir  
Biar wartawan buat liputan di akhbar

Nampak an apa Yg akan berlaku

Tun Najib Razak is such a Horrible PM Malaysia  
The worst in Malaysia sejarah  
The most Idiotic Prime Minster on Earth  
His balls shrinks when speaks the Truth  
He can only speaks Idoits to his Idiots  
Not a man of Honor



13. [Log in to Reply](#) **faridina** [Dec 1, 2015 1:18 AM](#)

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Dikesempatan ini kami penulis-penulis kerdil terpanggil menyelikkan nota-nota iringan dalam perutusan warkah Tun kepada ahli dan pemimpin UMNO akar umbi.

Memang benar Tun, talian hayat kesinambungan parti keramat ini kini terletak di tangan ahli-ahli dan pemimpin akar umbi khususnya ketua-ketua UMNO cawangan yang sedang berusaha ke arah 'Perjuangan Mendemokrasikan UMNO'.

Perutusan ayahanda Tun di atas sungguh komprehensif, tepat, padat dan mudah difahami semoga dapat sampai ke sasaran hendaknya lantas kami ingin menyelik dan menempil sedikit di sini.

Izinkan kami uar-uarkan "Sindrom Anakku Sazali" versi Faridina untuk renungan anda dan mungkin boleh dikaitkan dengan topik kali ini.

Tan Sri P.Ramlee mendahului zamannya dengan cetusan minda pemikir hebat dan apa yang berlaku hari ini telah dilakukan lebih setengah abad yang lalu dalam banyak karya-karya beliau. Namun apa yang ingin kami ketengahkan diolah tetapi masih mengambil pendekatan yang sama.

Hari ini dengan bebanan dan kengkangan kewangan yang cukup mencabar purata keluarga agak sukar mempunyai lebihan untuk simpanan apatah lagi dengan cabaran membesarkan anak-anak. Namun jika ibubapa muda ini tidak mempunyai persekitaran politik dan ekonomi yang stabil maka mereka akan terdedah dengan "Sindrom Anakku Sazali" ini.

Percayalah anak-anak atau cucu-cucu atau cicit-cicit tuan-tuan dari generasi Z akan lebih terbuka dalam menyuarakan pendapat dan pandangan mereka. Sampai masanya esok mereka akan melihat kekurangan yang ada pada mereka tetapi tidak pada rakan-rakan dari bangsa lain. Memasuki alam kolej lebih kritikal kerana rakan-rakan dari bangsa lain mampu memandu kereta sendiri ke kolej, mempunyai pelbagai gajet yang mahal dan terkini dengan limpahan elaun FAMA (father mother) untuk berbelanja dan mampu membayar yuran tinggi ke IPTS tersohor.

Pada masa itu kelak mereka akan memberontak dan mula bersuara "Ini semua salah Bapak! Masa muda-muda dahulu kenapa bapak tidak berusaha keras macam bapak kawan-kawan saya! Tengok

kerana kemalasan bapak, saya dipandang hina di tanahair saya sendiri nama je Melayu tapi ibarat menumpang dan mengemis di negeri sendiri". Nah tak terkelu lidah tuan-tuan dibuatnya?

Sebenarnya sindrom ini kami reka untuk memberi kesedaran pada anak-anak muda hari ini supaya bekerja keras menaikkan ekonomi keluarga dengan belajar rajin-rajin atau kalau berniaga, berniaga sampai berjaya supaya anak-anak tidak menyalahkan anda di masa hadapan kelak.

Namun sindrom ini boleh dikaitkan dengan cerita di atas yang ditujukan kepada ahli-ahli dan pemimpin akar umbi UMNO di mana dikhuatiri jika anda tidak berusaha menyelamatkan parti keramat ini dari kehancuran dek kerakusan kuasa pemimpin tertinggi UMNO maka anda semua akan disoal anak-anak anda setelah UMNO tidak lagi menjadi tunjang pemerintahan negara dan nasib umat Melayu pada masa itu hanya ibarat pengemis terhormat sahaja.

"INI SEMUA SALAH BAPAK! MASA DULU-DULU SEMASA MENJADI AHLI UMNO KENAPA BAPAK TIDAK BERUSAHA MENOLAK KEPIMPINAN YANG TERANG-TERANG MEMPERKOSA PARTI KERAMAT INI, SEKARANG KAMI JADI MANGSA, KASIHKAN PEMIMPIN DURJANA LEBIH DARI KASIH KEPADA KAMI DARAH DAGING BAPAK SENDIRI! BAPAK MEMANG TIDAK BERHATI PERUT!"

Sekian adanya buat masa ini.

Selamat Beradu Tun Berdua dan Wasalam.



14. [Log in to Reply rimba.emas](#) Dec 1, 2015 12:56 AM

Salam Tun.

1. Pemimpin yang berjawatan sekarang tidak mungkin ambil hal dengan seruan Tun ini. Kedegaran jumlah cawangan UMNO yang memihak Najib masih ratusan, sedangkan yang berani membantah puluhan sahaja.
2. Malah UMNO sendiri telah memanjangkan tempoh akan diadakan pelihanraya dalam partinya sendiri.
3. Meramal sesuatu dengan tepat kepada satu kejadian masa hadapan yang direncanakan oleh manusia lain yang diberi kuasa kemungkinan memberi jawapan yang sebaliknya.
4. Manusia yang diberi kuasa selalunya boleh memenangkan dirinya sepertimana yang pernah dilakukan sebelum ini dengan melawan undang-undang dan mempengaruhi nafsu manusia.
5. Pada masa sekarang ada yang tidak menyokong PM kerana dia dari parti pembangkang. Sifatnya pasti akan berlawanan dengan yang dilakukan oleh PM. Ditakuti golongan ini akan menidakkan sesuatu yang benar dalam agama.
6. Sama juga seorang yang Islam tetapi tidak 'beramal' seperti yang dimahukan didalam Al-Quran, hanya berpandukan hadis-hadis riwayat manusia yang tentu dipilih dari yang dekat dengan Rasulullah s.a.w. yang dosa pahalanya hanya diketahui oleh Allah s.w.t.

7. Kita sebenarnya memerlukan seorang PM yang dapat memulihkan Ringgit tanpa membebankan rakyat. Menghapuskan GST dengan pendekatan lain tanpa membebankan rakyat.
8. Rakyat tidak nampak sekarang seorang PM yang sebagaimana Rasullulah s.a.w yang mengikat batu diperutnya, sebaliknya hidup mewah .
9. Golongan susah sudah tentu mengharapkan seorang PM yang dapat meringankan beban dengan pandai mencari sumber lain untuk kerajaan bukan menaikkan cukai.
10. Allah s.w.tlah yang menjadi kita rakyat Malaysia yang membentuk sebuah negara Malaysia dengan berbagai bangsa dan agama. Kita yang melantik seorang ketua yang akhirnya akan kembali kepadanya untuk di nilai kembali semua amalan yang dikerjakan didunia ini.

Wallahua'lam.

15.  [Log in to Reply cucupengasasumno](#) Dec 1, 2015 12:52 AM

Teruskan Tun kami berjuang atas dasar Amar Maakruf Nahi Mungkar bukan untuk penyelongkar tanah melayu tercinta

Semuga Allah sentiasa membantu kita kembalikan martabat UMNO  
Allahuakbar


16.  [Log in to Reply rkmh226](#) Nov 30, 2015 11:31 PM

Assalamualaikum...

YABhg. Tun,

Thank you so much for your letter to us.

Wassalam.

17.  [Log in to Reply musato](#) Nov 30, 2015 10:48 PM

Assalamualaikum Tun.

Cubalah saudara saudari bayangkan jika aset negara iaitu telaga minyak Terengganu dipersetujui oleh MB Ahmad Said ketika itu untuk dijadikan cagaran 1MDB.

Pemimpin yang bagus adalah pemimpin yang mencegah sebelum berubat.

Ramai orang menentang semasa mula ia diutarakan. Sesungguhnya kita bernasib baik.

Kini sebahagian kecil peratusan janaan elektrik negara telah diberikan kepada negara China walaupun sebelum adanya 1MDB ia adalah aset negara.

Dengar cerita, Amitabh Bhachan terkena penyakit Hepatitis B kerana termenerima darah penderma yang ada penyakit tersebut sejak belasan tahun lepas dan hanya sebahagian hatinya saja berfungsi selepas itu.

Tak mati pun. Begitu juga kata orang kita, China hanya miliki peratusan kecil sahaja, itupun hanya untuk janaan bukan pengangihan. Baguslah berfikiran begitu.

Lama lama hancur negara. Itulah nilainya pada pelabur asing. Miliki hatinya....maka anda miliki seluruh anggotanya.

Good Job.

Terima kasih Tun.



18. [Log in to Reply](#) **pakpandir08** [Nov 30,2015 10:47 PM](#)

Tun,

Mana ada sekatan ketat seperti yang Tun katakan?

Bukankah KLSCAH (Kuala Lumpur And Selangor Chinese Assembly Hall) telah pun katakan dewan itu boleh disewa?

Sekiranya ramai yang tidak ketahui dewan KLSCAH itu apa? Pada tahun 1999, KLSCAH pernah diancam akan dibakar semasa pentadbiran Tun?

– <http://www.malaysiakini.com/news/321293>



19. [Log in to Reply](#) **upinipin** [Nov 30,2015 10:30 PM](#)

Masalah sekarang bukan siapa pemimpinnya, masalah sekarang pemimpin belum tahu cara-cara betul untuk mentadbir Negara.

Rakyat tak kisah duit di bank akuan siapa..

Rakyat kisah kalau pemimpin yang ambil duit itu tidak menjalankan tugas dengan baik dan tidak menjadikan Malaysia kaya dan Rakyat Kaya-Raya.

Setakat kaya memang tak cukup tapi kebanyakan orang miskin sekarang memang perlukan wang.

Bila wang dah cukup barulah kita bincang pasal bangsa dan Negara.

Do the right thing, Do the thing right, At the right time, At the right place.

Siapa kisah parti mana yang memimpin pada ekonomi yang teruk sekarang????? (Ekonomi is the right thing to achieve now)

Lepas Ekonomi dah develop, barulah kita cerita pasal benda lain.. amboi... amboi..

20.  [Log in to Reply Sri Sense](#) Nov 30, 2015 10:20 PM

Salam Tun

Terharu baca. Kalau dah berpindah jadi pembangkang susah juga nanti BN nak menang semula, tengok aje Selangor, example termudah. Actually under PKR much better than under UMNO, so how to win..

Penang I tak familiar sangat, namun gitu ada juga dengar saudara mara kat sana kata mereka kena tindas sejak under DAP. Mereka juga kata Penang dah jadi macam Singapura. Tak tau how serious is this statement sebab tak tinggal sana.

Anyway sebagai pengundi I dah tak minat nak pangkah BN, banyak sangat scandal hingga melibatkan my income, so memanglah I tak happy sebagai rakyat Malaysia yang sering dirundung malang sejak Najib jadi PM.

Goodnight Tun and all. Sleep tight.

21.  [Log in to Reply anak wawasan 2020](#) Nov 30, 2015 8:52 PM

Wahai ahli UMNO dan pemimpin di peringkat akar umbi,

Sebagai rakyat marhein, jangan sekali-kali anda memperkecilkan kuasa kami.

Sedarlah bahawa anda semua mempunyai pilihan; samada anda menjadi pembela rakyat atau pembela DSN. Ingatlah anda dipilih rakyat untuk menjalankan tanggungjawab membela rakyat dan negara bukan untuk individu yang bernama DSN.

Ekonomi negara semakin teruk, taraf sara hidup rakyat semakin gelap tanpa sebarang tanda-tanda pemulihan. Anda mungkin akan hidup beberapa tahun lagi tapi apa yang bakal anda tinggalkan buat anak cucu anda?

Harta haram atau masa depan?

Ingatlah kisah seorang khalifah yang kaya raya yang terlupa Tuhan. Khalifah berkenaan terlalu kaya sehingga hartanya terlalu banyak tidak terkira. Akhirnya, dengan izin Allah jua dia jatuh miskin dan hartanya dirampas oleh kerajaan. Beliau jatuh muflis dan merempat di tepi jalan dan dia menjadi buta. Dia mengemis di tepi jalan dan menjadi sungguh hina. Ini berlaku kerana beliau terlupa Allah semasa menjadi hamba kepada harta dunia sehingga dia dihina Allah sehingga sebegitu rupa.

Mahukah anda menjadi sebegini rupa?

Sanggupkah anda menggadai maruah bagsa, agama dan bangsa demi kekayaan dunia yang sementara ini?

Berapa lama anda dapat hidup dengan menjadi hamba kepada harta dunia?

10 tahun?

7 keturunan?

Belum tentu lagi wahai saudaraku...insaflah, sesungguhnya Allah mengetahui apa yang kamu tidak ketahui.

Masih belum terlambat untuk anda memoerbetulkan yang salah..masih ada masa..buatlah keputusan yang bijak.

Sekian Ayahanda Tun.

Salam buat Tun berdua.yang dihormati selalu.



22. [Log in to Reply](#) **daeng** [Nov 30,2015 8:30 PM](#)

Assalamualaikum Tun.

Saya setuju dan cukup yakin apa yang Tun nyatakan ini.

Sekiranya ahli-ahli UMNO tidak berbuat sesuatu agar Najib berundur secara terhormat sebelum PRU14 maka ramai pengundi di atas pagar dan saya berpendapat BN akan kalah.

Jalan terbaik bukan sahaja Najib perlu berundur sebelum PRU14 tetapi seeloknya PAU perlu dilakukan agar hanya ahli terpilih dan diberi kepercayaan majoriti ahli sahaja yang boleh mengubah kepercayaan pengundi atas pagar ketahap terbaik menyokong BN.

Ini kerana PAU yang berusia 7 tahun lalu sudah tidak relevan lagi kerana dalam tempoh 7 tahun majoriti rakyat diperlihatkan wajah-wajah pemimpin "kotor" pilihan Najib yang mana bukan saja tidak disukai rakyat tetapi dianggap penyumbang kepada kerosakan pentadbiran negara seperti fasa 4 yang dinyatakan oleh Tun.

Kerosakan kepimpinan wajar dibersihkan hanya menerusi PAU yang bersih sebelum PRU14.

Landasan terbaik desakan penyingkiran Najib dibuat ialah PAU pada Disember 2015.

Jika desakan atau mesej yang jelas tidak berlaku demi menunjukkan Najib wajar berundur maka saya cukup yakin UMNO dan BN akan menerima kesan yang paling buruk dalam sejarah PRU Malaysia.

Tunggu dan lihat.

Wassalam.



23. [Log in to Reply](#) **Hajar** [Nov 30,2015 8:18 PM](#)

Salam YAB dan Yang DiKasihi Tun,

1. Well said Tun! Tepat, ringkas dan padat.

2. Saya sokong penuh SERUAN dan RAYUAN Tun kepada ahli2 dan pemimpin2 UMNO di peringkat akar umbi.
3. Wahai ahli2 dan pemimpin2 akar umbi UMNO, dengarlah dan ikutlah rayuan dan nasihat Tun M yang sememangnya ikhlas berjuang untuk 'agama, bangsa, dan negara'. Tun tiada apa2 kepentingan peribadi selain ingin melihat kita semua hidup dalam keadaan lebih baik, aman damai serta dapat beribadat dengan sempurna. Jadikanlah keadaan di negara2 di mana umat Islam tertindas sebagai pengajaran.
4. DSN @ Ah Jib Gor & koncu2 beliau sedang menghancurkan Malaysia. DSN telah memburukkan imej UMNO dengan skandal2 peribadi beliau dengan amat teruk. Prestasi beliau sudah terbukti 'hampeh', dan gelagat salah-guna kuasa beliau amat 'melayakan'.
5. ISA/EO dimansuh, dan beliau hampir mansuhkan Akta Hasutan (tetapi berjaya disekat oleh ahli2 UMNO pada PAU 2014). Hubungan antara kaum semakin buruk. Kos sara hidup meningkat dengan mendadak kerana pelbagai subsidi dihapuskan dan cukai2 dinaikkan dan cukai baru dikenakan ke atas rakyat Malaysia.
6. DSN juga seorang yang lemah, korup, pecah amanah, liberal, pro-pembangkang (beliau suka ikut desakan2 pembangkang), menindas dan membelakangkan mereka yang menyokong/ mengundi UMNO / BN, 'blur – tidak tahu apa yang berlaku di sekeliling beliau', tidak prihatin terhadap kesusahan rakyat, boros, membazir, pro-Amerika & pro-Singapura (tidak lama lagi TPPA akan di tanda-tangani dan negara akan dijajah dari segi ekonomi), pengkhianat bangsa Melayu/Malaysia, etc.
7. Kepada ahli2 dan pemimpin2 akar umbi UMNO, jadikanlah PAU 2015 sebagai medan untuk mendesak DSN berundur dengan segera. Jadilah ahli2 dan pemimpin2 UMNO yang berAMANA dan berINTEGRITI. Janganlah tamak dengan wang 'derma' dari pihak yang merasakan 'Cash is King'. Ianya tidak seberapa jika dibandingkan dengan nilai maruah bangsa, agama, dan negara yang sedang digadai/dijual oleh DSN & gang. Sedarlah!
8. Saya doakan perjuangan Tun (dan kita semua) untuk menurunkan DSN dari 'takhta kuasa' akan berjaya dalam masa terdekat (semestinya dengan keizinan/bantuan dari Allah S.W.T.).

Terima kasih Tun.

\*\*\* Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga \*\*\*



24. [Log in to Reply kapt\\_KOBRA Nov 30, 2015 7:31 PM](#)

Salam Tun,

Sebagai penyokong kerajaan yg membesar di zaman pemerintahan Tun, dukacita dimaklumkan bahawa kanser di dalam pemerintahan DSN sudah merebak dan tiada jalan lain lagi, selain ditamatkan riwayat sahaja.

UMNO harus ditumbangkan, inilah sahaja resolusinya!..

Legasi hebat UMNO hanya akan diingati sepanjang 4 presidennya sahaja..

25.  [Log in to Reply](#) **cruze** [Nov 30, 2015 5:41 PM](#)

Sejak najib menyorok pada nothing to hide saya sudah hilang kepercayaan padanya dan semua menteri yang seolah samseng bila bercakap hingga ke hari ini.

Kerana sikapnya menyorok sudah menggambarkan sikap yang tiada kejujuran dan di tambah dengan mulut2 pembodek yang tak kena gayanya.

Sedangkan semasa nothing to hide kisah wang di dalam akaunnya belum timbul pun, akan lagi apabila Tan sri muhyidin di lucutkan jawatan dan lain lain ahli.

Saya tidak akan menyokong umno lagi selagi najib, zahid, azalina, hishamuddin, nancy, ermy yati, salleh kruak, rahman dahlan, sahidan kassim, nazri aziz, rosnah bodek, ahmad maslan, shahril samad dan lain lain menteri yang tidak tahu hormati jasa orang lama itu tidak di tukarkan.

Harap nama yang tidak di senaraikan akan kekal saya doakan seperti dato noraini, khairy jamaluddin dan lain lain...

© 2015 — All Rights Reserved.

Source: <http://chedet.cc/?p=1927>